

**Felda Harap Kerjasama Lebih Baik Dengan Bank Dunia
Bernama
17 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) yakin lawatan lapan anggota delegasi Bank Dunia ke Felda Gunung Besout akan membuka peluang usaha sama yang lebih besar dengan mereka.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Mohd Emir Mavani Abdullah berkata lawatan itu merupakan platform terbaik bagi kedua-dua pihak untuk berkongsi pengetahuan dan mewujudkan peluang baharu.

"Malah, dengan pelan perkembangan aktif FGV, terutama di rantau Afrika, lawatan itu telah membuka jalan untuk peluang baharu dan kerjasama akan datang antara Felda, FGV dan Bank Dunia.

"Kami dapat berkongsi komitmen FGV bagi memenuhi peningkatan permintaan global yang semakin bertambah untuk minyak sawit lestari dan pada masa yang sama menunjukkan operasi ladang kami," katanya dalam kenyataan selepas hari kedua lawatan delegasi tersebut.

Kumpulan Felda merupakan pengendali perladangan minyak sawit terbesar di dunia, menguruskan 500,000 hektar ladang milik peneroka manakala FGV kini mengendalikan 360,000 hektar estet minyak sawit di negara ini.

FGV juga merupakan syarikat komoditi pertanian pelbagai dan bersepadu di dunia dan beroperasi di 10 negara dengan projek teras dalam perladangan, hiliran dan perniagaan berasaskan gula.

Delegasi Bank Dunia itu, pertubuhan yang mempunyai misi untuk membasmi kemiskinan, serta menggalakkan perkongsian kemakmuran sejagat secara meluas, diberikan taklimat mengenai pembangunan tanah dan penempatan selain operasi

FGV, di dalam negara dan di peringkat antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022631>